



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU) BUKTI KPWKM KOMITED PERKASA OKU

PUTRAJAYA, 2 OGOS - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 1 Tahun 2023.

Sebanyak **sepuluh (10)** Anggota Baharu (Individu) telah dilantik sebagai anggota majlis di bawah Seksyen 3 (2)(j) Akta Orang Kurang Upaya 2008. Lantikan ini berkuat kuasa selama dua (2) tahun mulai 1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2025 dan kriteria pelantikan adalah berdasarkan kepada nilai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang luas berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia dan juga peringkat antarabangsa.

Melalui mesyuarat ini dua (2) cadangan telah dikemukakan iaitu:

- a) Pelaksanaan Projek Bagi Melengkapkan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan Kemudahan Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di KPT dari segi kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan juga bangunan awam; dan
- b) Dapatan Program Audit Akses 2011-2022 oleh *Universal Design Unit (Kudu)/Department of Architecture, Kulliyah Of Architecture And Environmental Design (KAED), International Islamic University Malaysia* bagi menepati Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina bagi memudahkan akses kepada penggunaan OKU.

Dalam mesyuarat ini juga dua (2) kertas makluman telah dibentangkan antaranya Projek Melengkapkan Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Kemudahan Mesra OKU serta Laluan Khas bagi Kemasukan Pelajar Melalui UPU*online* sebagai memenuhi aksesibiliti dan kesaksamaan hak kepada golongan OKU dalam masyarakat.

Dengan adanya usaha dan perancangan berterusan ini KPWKM yakin MKBOKU akan terus diperkasa dalam memperjuangkan hak OKU. Mesyuarat ini juga bertindak sebagai platform utama Kerajaan ke arah pembangunan, pemulihan, pembangunan serta pengintegrasian dalam komuniti OKU di negara kita selaras dengan rukun Kesejahteraan seperti yang terkandung dalam aspirasi Malaysia MADANI yang meliputi ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.

####

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
2 OGOS 2023

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Senarai Anggota Majlis (Individu) yang dilantik adalah seperti berikut:

- i) YBrs. Prof. Madya Ts Dr. Roslinda binti Alias;**
- ii) YBrs. Prof. Madya Dr. Muhamamad Idris bin Bullare@Bahari;**
- iii) YBrs. Dr. Nor Hayati binti Ali;**
- iv) YBrs. Dr. Wan Arnidawatibinti Wan Abdullah;**
- v) YBrs. Dr. Syazwani binti Drani;**
- vi) YBrs. Dr. Hasrul bin Hosshan;**
- vii) YBrs. Dr. Azzahrah binti Anuar;**
- viii) Puan Siti Zaharah binti Abdul Khalid;**
- ix) Encik Mohd Faiz bin Shuhaimi; dan**
- x) Puan Siti Huraizah binti Ruslan.**